

Cili mula dituai

[Hartini Mohd Nawi](#)

hartini@hmetro.com.my



HELMi Zaifura (dua dari kanan) bersama Rozali (tiga dari kiri) dan Che Zalina (dua dari kiri) melihat cili merah PPH.

PUSAT Pendidikan Hijau (PPH), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di Padang Chempedak, Tasek Gelugur, Pulau Pinang sudah berhasil dan mula dituai.

Ia ditubuhkan hasil Perjanjian Persefahaman (MoU) yang ditandatangani pada Mac lalu bagi menjalin kerjasama strategik antara UPSI bersama Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Urbanest Sdn Bhd.

Menurut Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr Md Amin Md Taff, hasil kerjasama itu memberi manfaat yang menyeluruh kepada komuniti setempat.

"Malah, UPSI berbangga dapat mencurahkan ilmu dan pengetahuan kepada komuniti serta mewujudkan inovasi baharu selain mencipta peluang kepada belia untuk menjadi petani bandar.

"Ia sekali gus menjadi pusat penyelidikan pelbagai disiplin aktiviti hijau seperti pengkomposan, kebun komuniti dan 'upcycle' ke arah mengurangkan sisa," katanya.

Baru-baru ini, sesi tuaian hasil disertai Pendaftar UPSI, Helmi Zaifura Abdul Rahman, Datuk Bandar MBSP, Datuk Sr Rozali Mohamad, Pengarah Jabatan Kejuruteraan MBSP, Baderul Amin Abd Hamid (Pemangku Setiausaha MBSP) serta Pengarah Urusan Urbanest Sdn Bhd Karthigayan Gunasegaran.

Helmi Zaifura yang teruja melihat hasil tanaman itu melahirkan rasa gembira dengan kejayaan pusat berkenaan berikutan sudah mendatangkan hasil, sekali gus berupaya menjana pendapatan selain melaksanakan proses pemindahan ilmu.



HELMI Zaifura (kanan) melihat pokok cili merah yang segar.

"PPH antara sebuah pusat pendidikan hijau pertama di Malaysia yang holistik dan memfokuskan kepada teknologi hijau lestari merangkumi pertanian pintar, pusat kompos, biodiversiti serta 'upcycle.'

Sementara itu, Ketua PPH, Profesor Madya Dr Che Zalina Zulkifli berkata, projek pusat berkenaan sudah mengeluarkan hasil.

"Tanaman seperti cili merah jenis sakata menggunakan teknik fertigasi, manakala sistem hidroponik pula digunakan untuk tanaman kailan, salad, bakchoi dan sawi," katanya.



CILI merah yang ditanam di PPH.

Disiarkan pada: Oktober 4, 2021 @ 6:10am